

## *BAB V*

### *RUMUSAN*

#### *5.0. Pendahuluan*

Bab ini akan membincangkan pandangan keseluruhan tentang rumusan kajian yang dijalankan dan kesimpulan yang dapat dibuat daripada dapatan kajian. Rumusan tentang tujuan, soalan kajian, sampel, prosedur dan instrumen kajian akan dibincangkan dalam fasal 5.1. Fasal 5.2 akan memokuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan dapatan kajian dalam Bab IV. Fasal 5.3 adalah yang berkaitan dengan kesimpulan dapatan kajian manakala fasal 5.4 akan membicarakan implikasi dapatan kajian ini. Fasal 5.5 akan mengemukakan cadangan untuk kajian lain pada masa akan datang.

#### *5.1 Rumusan Kajian*

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah. Secara spesifiknya tumpuan kajian ialah kepada pemerolehan sintaksis dan semantik di kalangan kanak-kanak peringkat prasekolah. Di samping itu kajian ini juga ingin melihat sama ada kanak-kanak Melayu peringkat prasekolah dengan persekitaran budayanya yang tersendiri memperolehi bahasa lebih baik atau di sebaliknya berbanding dengan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah dengan persekitaran budayanya yang tersendiri.

Selain daripada tujuan utama di atas kajian ini juga bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian yang khusus tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak. Soalan-soalan kajian ini adalah seperti berikut:-

- a) Apakah kumpulan kosa kata asasi aktif bahasa ibunda yang dikuasai oleh kanak-kanak Melayu prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?
- b) Apakah kumpulan kosa kata asasi aktif bahasa ibunda yang dikuasai oleh kanak-kanak Iban prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?
- c) Adakah terdapat perbezaan pemerolehan kumpulan kosa kata aktif bahasa ibunda di antara kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?
- d) Apakah jenis-jenis ayat dalam bahasa ibunda yang lazim diujar oleh kanak-kanak Melayu peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?
- e) Apakah jenis-jenis ayat dalam bahasa ibunda yang lazim diujar oleh kanak-kanak Iban peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?
- f) Adakah terdapat perbezaan jenis-jenis ayat lazim diujar dalam bahasa ibunda di antara kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?

Kajian ini berbentuk kajian kes yang dijalankan selama 1 bulan secara percubaan dan 1 bulan dijalankan pemerhatian secara berkala. Ia dijalankan terhadap dua orang responden iaitu seorang kanak-kanak Melayu dan seorang kanak-kanak Iban yang masing-masingnya berumur dalam lingkungan 5; 9 dan 5;6. Kanak-kanak yang dipilih ini adalah di kalangan anak pensyarah / guru di Maktab perguruan Rajang.

Sampel kajian ini adalah kecil yakni hanya meliputi dua orang responden. Kerangka teoritis adalah berdasarkan pendekatan interaksi Wells 1981. Dalam kajiannya, Wells juga menggunakan sampel yang kecil.

Pemerhatian secara tidak langsung dari segi penggunaan bahasa yang tidak berstruktur dijalankan di rumah kanak-kanak yang terlibat. Pemerhatian tersebut dibuat terhadap penggunaan bahasa secara spontan di antara kanak-kanak dengan ibunya atau penjaganya. Tajuk-tajuk perbualan diolah berdasarkan peristiwa yang pernah dialami oleh kanak-kanak seperti pengalamannya ketika di pusat prasekolah, pengalaman bermain basikal, siri katun *power rangers* dan pengalaman tentang makanan yang diminatinya.

Perbualan di antara kanak-kanak tersebut dengan ibu atau penjaganya dirakam dengan menggunakan pita audio. Rakaman video telah dibatalkan kerana percubaan awal telah memperlihatkan kegagalan kanak-kanak untuk berbual dengan lancar lantaran *camera shy* atau alat tersebut mungkin menyebabkan mereka kaku untuk bercakap. Setelah dirakam, perbualan kemudiannya ditranskripsikan secara ejaan untuk dianalisis.

Analisis data kajian ini dibuat secara kualitatif terhadap pertuturan kanak-kanak sahaja. Pertuturan ibu atau penjaga tidak dianalisis kerana kajian ini bukan bertujuan untuk melihat jenis strategi pemudahan yang digunakan oleh kanak-kanak dan gaya pertuturan yang digunakan oleh ibu atau penjaga ketika berinteraksi dengan kanak-kanak.

## ***5.2 Rumusan Dapatan Kajian***

Rumusan dapatan kajian dalam bahagian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Fasal 5.2.1 akan membincangkan rumusan dapatan utama.

### 5.2.1 *Rumusan Dapatan Utama*

Dapatan utama adalah yang menjawab soalan-soalan kajian. Terdapat dua soalan utama yang dijawab dalam kajian ini.

#### 5.2.1.1 *Pemerolehan Semantik*

Kajian ini dapat membuktikan bahawa kanak-kanak Melayu mengujar sejumlah 1046 perkataan atau token daripada 200 ujaran yang direkod. Daripada 1046 perkataan tersebut terdapat sebanyak 237 perkataan atau token yang tidak berulang. Dengan itu maka NJT (Nisbah Jenis Token) bagi responden 1 adalah sebanyak 4.413. Di samping itu adalah terbukti bahawa responden 1 mempunyai kecekapan semantik yang menggalakkan. Keluasan golongan kata yang diperolehinya walaupun tidak secara yang tersebar, namun ia merangkumi hampir semua golongan kosa kata.

Respondan 2 telah mengujar sebanyak 949 patah perkataan atau token bagi seluruh 200 ujaran yang direkodkan. Terdapat 255 patah perkataan yang diujarkan adalah terdiri daripada perkataan atau token yang tidak berulang. Dengan itu maka NJT (Nisbah Jenis Token) bagi responden 2 ialah sebanyak 3.721. Seperti responden 1, memang telah dijangkakan bahawa keluasan golongan kata yang dikuasainya adalah hampir sama dengan responden 1.

Secara keseluruhannya golongan kosa kata nama mencatat kekerapan dan jumlah yang paling tinggi bagi kedua-dua responden tersebut. Ia diikuti oleh golongan kosa kata kerja, kosa kata sifat, kosa kata bilangan, arah, masa, tujuan dan keterangan.

Golongan kosa kata tanya mempunyai kekerapan dan jumlah yang terendah bagi kedua-dua responden. Ini adalah disebabkan oleh responden dalam kajian ini berperanan untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kepadanya.

Dapatlah disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara pemerolehan semantik atau golongan kosa kata di kalangan kanak-kanak Melayu dengan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang.

#### **5.2.1.2 Pemerolehan Sintaksis**

Kajian ini telah membuktikan bahawa kanak-kanak peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak mempunyai kecekapan yang menggalakkan dari segi pemerolehan sintaksis. Adalah terbukti bahawa responden 1 dan responden 2 lebih kerap mengujar ayat jenis selapis bagi pola FN + FK + FN dan juga pola FN + FK.

Di samping mempunyai kecekapan mengujar ayat selapis berdasarkan pola FN + FK + FN dan pola FN + FK, juga dibuktikan bahawa responden 1 dan responden 2 mempunyai kecekapan dalam mengujar ayat berlapis atau ayat kompleks. Pola gramatis yang kerap diujarkan oleh kedua-dua responden dengan menggunakan ayat berlapis atau ayat majmuk ialah pola FN + FK + FN, diikuti oleh pola KT + FN + FK + FN. Pola gramatis FN + FK dan pola KT + FN + FK mempunyai kekerapan yang amat rendah.

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara pemerolehan sintaksis berdasar jenis ayat dalam pola S-V-O di antara kanak-kanak peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak.

### **5.3 Kesimpulan Kajian**

Pada keseluruhannya kajian ini telah memberi jawapan kepada empat perkara pokok dalam pemerolehan bahasa bagi kanak-kanak peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang. Tiga perkara utama yang telah terjawab tersebut ialah:-

5.3.1 Apakah golongan kosa kata asasi aktif bahasa ibunda yang dikuasai oleh kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?

5.3.2 Adakah terdapat perbezaan pemerolehan golongan kosa kata aktif bahasa ibunda di antara kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?

5.3.3 Apakah jenis-jenis ayat dalam bahasa ibunda yang lazim diujarkan oleh kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?

5.3.4 Adakah terdapat perbezaan jenis-jenis ayat yang lazim diujar dalam bahasa ibunda di antara kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?

Kajian ini membuktikan bahawa kanak-kanak peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang mempunyai kecekapan mengujar beberapa kosa kata asasi aktif seperti yang diujarkan oleh orang dewasa. Kedua-dua responden mempunyai kekerapan yang paling tinggi dalam mengujar golongan kata nama dan diikuti kemudiannya oleh golongan kata kerja. Kesemua kata nama dan kata kerja yang diujarkan oleh kedua-dua responden tersebut adalah yang berkait rapat dengan persekitarannya.

Golongan kata sifat, kata bilangan, arah, tunjuk, masa dan keterangan kurang kerap diujar oleh kedua-dua responden. Golongan kata tanya bagi kedua-dua responden adalah pada tahap yang terendah. Keadaan ini berlaku kerana dalam interaksi yang

dirakamkan, responden berperanan untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh ibu atau penjaga mereka.

Kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang telah mempunyai kecekapan menggunakan ayat selapis dan ayat berlapis berdasarkan pola gramatis dalam keadaan yang tidak berstruktur. Di antara dua jenis ayat tersebut, ayat selapis merupakan ayat yang sering diujar berdasar pola gramatis FN + FK dan FN + FK + FN. Ayat berlapis atau ayat majmuk memperlihatkan kepada kita kecekapan kanak-kanak pada peringkat prasekolah tersebut berada pada tahap yang menggalakkan. Kanak-kanak dalam kajian ini membuktikan bahawa pembentukan ayat berlapis atau ayat majmuk berdasarkan pola gramatis FN + FK + FN dan pola KT + FN + FK + FN adalah menggalakkan.

Tegasnya daripada bukti-bukti yang terdapat dalam kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang perbezaan pemerolehan golongan kosa kata asas aktif atau semantik di antara kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah. Begitu jugalah dari segi pemerolehan sintaksis atau jenis-jenis ayat berdasarkan pola S-V-O dalam bahasa ibunda di antara kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah adalah terbukti ia tidak mempunyai perbezaan yang ketara.

#### ***5.4 Implikasi Dapatan***

Dapatan-dapatan kajian ini mempunyai beberapa implikasi terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa di kalangan kanak-kanak di peringkat prasekolah mahupun di kalangan kanak-kanak tahap satu di sekolah rendah.

Dapatan kajian ini tentunya memberi natijah bahawa proses pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak adalah terjadi dalam situasi sejati. Dengan ini para guru akan

menggunakan teori pemerolehan bahasa ibunda kanak-kanak tersebut untuk diserasikan dengan cara kanak-kanak menguasai bahasa di rumah dengan bahasa di sekolah. Menurut Cazden (1972) dan Krashen (1981) bahawa proses pembelajaran bahasa kedua sewajarnya mesti selari dengan proses pemerolehan bahasa ibunda kanak-kanak.

Kedua, dapatan kajian ini mengukuhkan lagi teori pembelajaran bahasa iaitu proses pembelajaran bahasa akan melibatkan proses kognitif dan linguistik atau interaksi bahasa. Daripada tingkah laku kanak-kanak yang dikaji, jelas bahawa proses kognitif inilah yang membolehkan mereka menanggapi makna semantik manakala proses linguistiknya pula membantu mereka memaknakan perkataan kepada bentuk bahasa yang tepat. Inilah yang sebenarnya berlaku secara tidak disedari ketika interaksi kanak-kanak dengan ibu mereka.

Walau bagaimanapun, dapatan daripada kajian ini juga memberi gambaran kepada kita bahawa guru bahasa perlulah mempunyai orientasi linguistik dan psikologi untuk membantu mereka menghadapi kanak-kanak yang baru melangkah ke alam persekolahan sama ada di peringkat prasekolah mahupun masuk tahun satu di sekolah rendah.

Dapatan kajian ini juga membayangkan bahawa guru prasekolah yang berupaya untuk menyediakan konteks pembelajaran yang sihat seperti keupayaan ibu menyediakan keadaan untuk merangsangkan anak mereka berbual walaupun perbualan tersebut agak terfokus bagi satu-satu sesi. Juga yang dapat dibayangi daripada dapatan kajian ini ialah unsur-unsur tatabahasa tidak dipelajari secara langsung seperti yang berlaku dalam interaksi kanak-kanak dengan ibunya.



### 5.5 Cadangan Untuk Kajian Lain

Pengkaji memang menyedari tentang beberapa batasan kajian ini. Pertama ialah kajian ini dijalankan terhadap kanak-kanak peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang dan respondannya adalah terdiri daripada anak-anak pensyarah maktab yang mempunyai sosioekonomi yang sederhana. Kanak-kanak prasekolah di luar bandar, dan kanak-kanak pada peringkat umur yang sama tetapi tidak mengikuti program prasekolah tidak digunakan dalam kajian ini. Ketiga ialah pemerhatian pemerolehan bahasa terhadap kanak-kanak tersebut dibuat dalam satu tempoh masa yang amat singkat. Pemerhatian pertama selama hampir 1 bulan telah gagal apabila ia dibuat di Pusat Prasekolah Maktab itu dan kanak-kanak enggan berbual menggunakan bahasa ibunda mereka secara menyeluruh. Pemerhatian kedua selama 1 bulan hanya terhadap dua etnik kanak-kanak iaitu kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban.

Memandangkan pemilihan sampel dibuat oleh pengkaji dengan mengambil kira jangka masa untuk pemerhatian agak singkat berbanding beberapa kajian yang pernah dibuat oleh Brown (1973) dan Wells (1981) yang memakan masa selama satu tahun, maka sudah pastilah kajian ini hanya mampu membuktikan beberapa ciri umum pemerolehan bahasa dari aspek sintaksis dan semantik. Kajian jangka panjang mungkin lebih memberi *input* yang lebih banyak. Banyak unsur lain yang akan dicungkilkan untuk menjadi renungan kita bersama.

Walau bagaimanapun, hasil kajian ini amat menggalakkan dan perlu diperkemaskan lagi kaedah kajian atau penyelidikan yang sedia ada ini agar dapat pola pemerolehan bahasa kanak-kanak dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Kajian ini

yang dijalankan secara deskriptif mungkin akan diperkemasakan menjadi kajian yang bercorak kuantitatif yang lebih mantap.

Dengan pembatasan dan implikasi kajian ini maka pastilah ia dapat dijadikan sebagai landasan baru untuk kajian-kajian bahasa kanak-kanak yang selanjutnya, khususnya tentang perkara-perkara seperti berikut:-

1. Kajian-kajian jangka panjang ( longitudinal) terhadap pemerolehan bahasa pada peringkat umur yang lebih awal supaya pola-pola pemerolehan bahasa kanak-kanak dapat ditentukan.
2. Kajian jangka panjang pemerolehan bahasa kanak-kanak pada peringkat akhir sekolah rendah untuk melihat pengaruh pendidikan formal ke atas bahasa ibunda dalam interaksi harian.
3. Kajian -kajian terhadap faktor-faktor sosio-psikologi dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak peringkat prasekolah.